

12.00 tengah hari 29.4.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAPP dan PBAHB.

**SWSI APRIL 2025: “TERIMA KASIH” KEPADA SEMUA YANG BEKERJA KERAS
CAPAI MATLAMAT DAN MINIMUMKAN KETIDAKSELESAAN**

PULAU PINANG, Selasa, 29.4.2025: Kira-kira 850 kakitangan PBAPP bekerja sepanjang masa selama 96 jam untuk memastikan gangguan bekalan air berjadual (SWSI) April 2025 berjaya diselesaikan.

Namun, penghargaan juga harus diberikan kepada:

- Semua kontraktor dan pembekal pihak ketiga yang terlibat dalam 23 projek kerja air di 9 lokasi di seluruh negeri, termasuk Loji Rawatan Air Sungai Dua, Jalan Pengkalan Tambang, Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai, Kompleks MSN di Batu Uban serta Kompleks Kolam air dan Stesen Pam Bukit Dumar.
- 60 Rejimen Pakar Air Rejimen Askar Jurutera Diraja (Askar Wataniah)
- Semua kru lori tangki air yang beroperasi selaras dengan “Pelan Bantuan Air” (WRP) SWSI April PBAPP yang disokong oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN): termasuk Pasukan Bomba Sukarela Pulau Pinang (PBS), MBPP, MPSP, Air Selangor (AIS), Syarikat Air Darul Aman (SADA, Kedah), Ranhill SAJ (RSAJ), Pengurusan Air Pahang (PAIP), Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB), Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Lembaga Air Perak (LAP), Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) dan Syarikat Air Terengganu (SATU).
- Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta semua Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di kawasan yang terjejas atas sokongan mereka terhadap SWSI dan penyelarasan usaha WRP untuk meminimumkan kesulitan.
- Seramai 341,708 pengguna air Pulau Pinang yang terjejas yang telah merancang, membuat persediaan dan menyimpan air untuk kegunaan mereka sepanjang tempoh SWSI.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my